

**D.R. 15/2022**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Pindaan Perkara 10**

**2.** Perlembagaan Persekutuan dipinda dalam Perkara 10—

(a) dalam Fasal (1), dengan memasukkan selepas perkataan “(3)” perkataan “, (3A)”; dan

(b) dengan memasukkan selepas Fasal (3) Fasal yang berikut:

“(3A) Walau apa pun perenggan (c) Fasal (2) dan Fasal (3), sekatan-sekatan ke atas hak untuk membentuk persatuan yang diberikan oleh perenggan (c) Fasal (1) yang berhubungan dengan keahlian dalam parti politik ahli Dewan Rakyat dan ahli Dewan Undangan Negeri boleh juga dikenakan oleh undang-undang persekutuan.”.

---

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan.

2. *Fasal 1* Rang Undang-Undang ini memperuntukkan tajuk ringkas Akta yang dicadangkan dan kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.

*Subfasal 2(a)* bertujuan untuk meminda Fasal (1) Perkara 10 berbangkit daripada kemasukan Fasal baharu (3A) dalam *subfasal 2(b)*.

*Subfasal 2(b)* bertujuan untuk memasukkan Fasal baharu (3A) ke dalam Perlembagaan Persekutuan untuk membolehkan sekatan-sekatan ke atas hak untuk membentuk persatuan yang berhubungan dengan keahlian dalam parti politik ahli Dewan Rakyat dan ahli Dewan Undangan Negeri boleh dikenakan oleh undang-undang persekutuan.

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan kewangan tambahan.

[PN(U2)3271]